

**ANP**

ISSN: 2773-482X, e-ISSN 2785-8863

DOI: <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v2i2.15.2021>

# Kajian Komunikasi Ritual dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan di Sarawak

Mohamad, Maulana Magiman<sup>1\*</sup>, Norhuda, Salleh<sup>2</sup>, Karmilah, Abdullah<sup>3</sup>, Malisah, Latip<sup>4</sup>, Dayang, Shobihah Abang Abai<sup>5</sup> & Fakhzan, Buang<sup>6</sup>

<sup>1,3,4,5,6</sup>Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak, 97008 Bintulu Sarawak, MALAYSIA

<sup>2</sup>Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, MALAYSIA

\*Corresponding author Email: [mdmaulana@upm.edu.my](mailto:mdmaulana@upm.edu.my)

Available online 16 November 2021

**Abstrak:** Makan Tahun merupakan satu amalan ritual yang dilaksanakan oleh masyarakat Kadayan di Sarawak dalam menyambut tahun baharu. Ritual ini dilakukan pada bulan Disember setiap tahun oleh masyarakat Kadayan yang mempunyai pengangan agama beragama iaitu Islam, Pangan dan Kristian. Persoalannya bagaimana masyarakat yang mempunyai keberagaman beragama mencari penyelesaian dalam ritual yang telah menjadi amalan turun termurun dan diwarisi sejak sebelum kedatangan mana-mana agama. Pelaksanaan upacara ini dipenuhi dengan penggunaan pelbagai barangan sebagai simbol untuk pemakluman yang tidak diketahui maknanya di luar kelompok masyarakat pengamal. Sehubungan itu kajian ini mengkaji tentang makna ritual daripada perspektif komunikasi ritual dan simbol yang digunakan dalam pelaksanaan tersebut. Kaedah etnografi digunakan dalam pengumpulan data di lokasi kajian di Daerah Sebuti, Sarawak. Informan yang terlibat dalam kajian lapangan ini terdiri daripada ahli agama dan pengamal ritual. Temu bual mendalam bersama pengamal ritual Makan Tahun dilakukan pada tahun 2016. Analisis data dilakukan dengan membangunkan transkrip temu bual dan membuat penyusunan mengikut tema bagi memastikan setiap temu bual dianalisis dan diterjemahkan dari sudut pandang masyarakat pengamal ritual. Kaedah etnografi yang dijalankan menemukan bahawa Makan tahun dimaknai sebagai ritual untuk menzahirkan rasa kesyukuran atas rezeki yang diberikan pada tahun semasa. Ritual ini juga sebagai pengharapan agar rezeki pada tahun berikutnya dilipatgandakan oleh pemberi rezeki. Sifat tolak ansur diperlihatkan di mana wujudnya unsur sinkretisme dalam pelaksanaan ritual Makan Tahun dengan keseluruhan pelaksanaan ritual tersebut dipandu oleh mereka yang mempunyai ilmu agama tinggi dan menduduki status sosial sebagai pemimpin agama dalam masyarakat.

**Kata Kunci:** komunikasi, ritual, simbol, sinkretisme

**Abstract:** Makan Tahun is a ritual practice performed by the Kadayan community in Sarawak to celebrate the new year. This ritual is performed in December every year by the Kadayan community who have various religious beliefs, namely Islam, and Christianity. The question is how a society with religious diversity finds a solution in rituals that have been a hereditary practice and inherited since before the advent of any religion. The implementation of this ceremony is filled with the use of various goods as symbols for declarations whose meaning is unknown outside the practicing community group. In this regard, this study examines the meaning of ritual rather than the perspective of ritual communication and the symbols used in the implementation. Ethnographic methods were used in data collection at the study site in the Sebuti District, Sarawak. The informants involved in this field study consisted of religious experts and ritual practitioners. An in-depth chat meeting with the practitioners of the annual eating ritual was carried out in 2016. Data analysis was carried out by developing a transcript of the interview and making arrangements according to the theme to ensure that each meeting was analyzed and translated from the perspective of the community who practiced the ritual. Makan Tahun was conducted in 2016. Data analysis was done by developing interview transcripts and making arrangements according to themes to ensure each interview was analyzed and translated from the point of view of the ritual practitioner community. The ethnographic method used found that the Eating of the year is interpreted as a ritual to express a sense of gratitude for the sustenance given in the current year. This ritual is also a hope that the sustenance in the following year will be multiplied by the giver of sustenance. The nature of tolerance is shown where the element of syncretism is manifested in the implementation of the annual meal ritual with the overall implementation of the ritual guided by those who have high religious knowledge and occupy social status as religious leaders in society.

**Keywords:** communication, ritual, symbol, syncretism

## 1. Pendahuluan

Komunikasi ritual sebagaimana yang dijelaskan oleh McQuail (2002) sebagai komunikasi ekspresif iaitu ia lebih menekankan kepada kepuasan *intrinsic* yang bergantung kepada emosi dan pengertian ritual tersebut. Dengan kata lain komunikasi ritual ini merupakan kegiatan yang berhubung dengan *celebratory* (perayaan), *consummatory* (menikmati) dan *decorative* (menghiasi). Tujuan akhir komunikasi ritual ialah untuk memberikan maksud ketenteraman dalam sesebuah masyarakat. Kebiasaannya penyampaiannya bergantung kepada bentuk-bentuk simbol komunikasi yang merupakan idea-idea dan saranan yang seterusnya diwarisi oleh anggota masyarakatnya.

Komunikasi ritual dalam konteks budaya masyarakat Kadayan, Sarawak dilaksanakan pada setiap tahun. Bagi masyarakat Kadayan komunikasi ritual ini tidak terbatas dan tidak akan selesai walaupun mereka telah mengalami perubahan daripada segi pendidikan dan status sosial. Ini kerana dalam kehidupan komuniti ini, komunikasi ritual sangat penting terutamanya yang berhubung dengan faktor kemasyarakatan (Angelino & Matronillo, 2020). Kesenambungan amalan ini terus dipelihara dengan memastikan kearifan tempatan dalam melaksanakan Makan tahun ini diperturunkan kepada generasi terkemudian dengan mengambil kira setiap perubahan sosio budaya dan kepercayaan mengikut acuan yang dipersetujui oleh ahli masyarakat.

Selain itu, menurut Couldry (2003) dalam komunikasi ritual terdapat tiga terminologi yang saling berkaitan iaitu *communication* (komunikasi), *communion* (perayaan), dan *common* (bersama-sama). Pelaksanaan ritual menurut Couldry perlu mengikut kefahaman masyarakat pengamal kerana tanpa penglibatan masyarakat pengamal budaya tersebut komunikasi ritual ini tidak akan mencapai tujuan yang sebenar iaitu untuk meraikan sesuatu upacara secara bersama-sama ke arah kesejahteraan. Perubahan aliran pemikiran akibat perubahan struktur sosial terutama dalam bidang pendidikan tidak menghalang mereka dari terus melaksanakan amalan ini mengikut apa yang telah dipersetujui oleh masyarakat terdahulu. Jelas di sini unsur sinkretisme diterapkan dalam Makan Tahun kerana mereka ingin mendapatkan faedah daripada amalan tersebut.

Selanjutnya, Mulyana (2005) menjelaskan komunikasi ritual biasanya dilakukan oleh komuniti yang sering melakukan upacara-upacara berlainan sepanjang tahun dan sepanjang kehidupan. Ia biasanya dikaitkan dengan pemahaman beragama yang membentuk kepada perlakuan yang menjurus kepada pentingnya sesuatu upacara dalam komunikasi ritual tersebut. Kebiasaannya upacara tersebut akan menampilkan bentuk-bentuk perlakuan yang bersifat simbolik. Bentuk-bentuk upacara yang dilakukan seperti berdoa, membaca kitab suci, perlakuan yang berkaitan kesyukuran dan sebagainya. Selain itu sesuatu perlakuan ritual itu merangkumi persoalan yang berkaitan tentang komunikasi sosial yang mana ia lebih mengutamakan kepada keterlibatan masyarakat terhadap tradisi keluarga, bangsa, negara, ideologi ataupun agama mereka.

Perspektif ritual dalam konteks Makan Tahun melihat komunikasi bukan bertujuan untuk menyampaikan mesej, tetapi lebih kepada pemeliharaan masyarakat, perwakilan daripada keyakinan bersama. Ini sebagaimana yang dikemukakan Carey (2009: 15) "*Dalam definisi ritual, komunikasi dikaitkan dengan istilah seperti 'perkongsian', 'penyertaan,' persatuan'... pemilikan kepercayaan bersama.*" Sehubungan itu pelaksanaan ritual dalam berbagai-bagai kelompok budaya masyarakat bukanlah sebahagian daripada proses penyaluran mesej melainkan lebih kepada keupayaan membentuk kebersamaan, pemeliharaan struktur masyarakat.

Komunikasi mewakili asas untuk perpaduan manusia, yang kemudian menghasilkan batas sosial, rekaan atau sebaliknya. Sesuai dengan visi komunikasi ritual, iaitu penyertaan upacara yang memungkinkan budaya dikelola, dipelihara dan diubah, peranan komunikasi ritual melampaui penyampaian pesan, termasuk penciptaan bersama dan perkongsian budaya yang menentukan realiti (Carey, 2009). Manusia hidup dalam realiti yang secara luas diciptakan oleh komunikasi.

Ritual ialah tindakan kolektif, umumnya difokuskan pada peserta berada di tempat yang beragama, di mana-mana, menghasilkan rasa identiti dan perasaan bersama yang dapat disokong oleh simbol yang sesuai. Ritual mewujudkan perpaduan (McKinnon, 2017). Ritual mencipta dan mencipta bentuk simbolik, perasaan, idea dan kepercayaan moral yang mendasari ikatan masyarakat. Komunikasi menghasilkan budaya dan melalui ritual, masyarakat mengalami perayaan. Subtil (2014) membahaskan ritual dari sudut pandang komunikasi menerusi kupasan idea dari Carey menjelaskan pembinaan makna dengan memusatkan perhatian pada ritual dan menonjolkan sisi simbolik upacara sebagai budaya masyarakat.

Pelaksanaan Makan Tahun yang diamalkan oleh masyarakat Kadayan merupakan satu amalan ritual yang telah diwarisi sejak dahulu lagi. Sehubungan itu kajian ini melihat bagaimana masyarakat pengamal mencari satu titik temu dalam melaksanakan amalan ini dengan keberagaman kepercayaan yang dianuti. Selain itu apakah tindakan kolektif yang dilakukan dalam ritual ini bagi mewujudkan perpaduan sebagaimana yang disarankan oleh McKinnon (2017). Pelaksanaan ritual disusuli dengan penciptaan bentuk simbolik, jadi apakah bentuk simbolik yang terangkum dalam Makan Tahun masyarakat pengamal sekiranya ia wujud. Bagi merungkai permasalahan ini pendekatan komunikasi ritual digunakan dalam mengkaji makna ritual daripada perspektif komunikasi ritual dan simbol yang digunakan dalam pelaksanaan Makan Tahun.

## 2. Sorotan Literatur

Kajian berhubung ritual dalam kehidupan manusia bukanlah merupakan satu kajian baharu. Pengkaji terdahulu banyak membuat analisis ritual merangkumi kitaran kehidupan manusia yang meliputi tiga fasa kehidupan iaitu kelahiran, perkahwinan dan kematian. Kajian ini amat popular dengan istilah Rite de passage yang dipelopori oleh Genep (1960). Ritual sebagaimana yang diujulkan oleh West & Tunner (2017) dilaksanakan oleh sekumpulan masyarakat yang mencipta peraturan dan mengekalkannya dalam sebarang hubungan. Mereka ini adalah orang yang bertanggungjawab dalam mengkategorikan dunia, mencipta peraturan dan mengambil bahagian dalam setiap langkah penting seperti membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan pengekalan identiti dalam kumpulan melalui pengenalan dalam konteks budaya.

Manakala kajian awal ritual oleh Bell (1992), menggunakan istilah *ritualization* untuk memberikan gambaran tentang ritual yang mengandungi konteks budaya sebagai cara yang paling berkesan dalam perlakuan ritual. Baginya, ungkapan ini dapat membantu untuk menerangkan isu-isu klasik dalam pengkajian ritual tradisional seperti kepercayaan (*belief*), pengesahan (*legitimation*) dan kuasa (*power*) (Arumugum, Nadeson, & Pal Thamburaj, 2021). Ia bagi memudahkan untuk mengkategorikan setiap perlakuan dalam ritual yang kadang kala mempunyai unsur yang sama contohnya penerimaan tentang unsur-unsur ghaib yang mempunyai kuasa spiritual.

Selain itu, Rappaport (1999), pula menyatakan bahawa ritual merupakan suatu perlakuan yang telah ditetapkan oleh keseluruhan ahli masyarakatnya. Dengan kata lain ritual merupakan salah satu cara berkomunikasi kerana dalam ritual terdapat perlakuan simbolik dalam situasi-situasi sosial. Ritual merupakan penyampaian sesuatu makna yang tidak dapat dilahirkan melalui kata-kata. Menyadari di dalam ritual itu terdapatnya cara berkomunikasi maka cetusan daripada keadaan itu Carey (1998) menjelaskan "*Dalam definisi ritual, komunikasi dikaitkan dengan istilah seperti perkongsian, penyertaan, persatuan, persekutuan dan pemilikan kepercayaan bersama*". Upacara ritual dalam keadaan ini seharusnya dilihat sebagai medium komunikasi yang menjelaskan suatu keadaan dengan penghuraian makna terhadap simbol ritual itu.

Ramai pengkaji antropologi mendefinisikan ritual sebagai makna komunikasi. Secara tuntasnya komunikasi yang dijelaskan itu tidak semestinya difahami oleh masyarakat penerimanya tetapi ia lebih bersifat abstrak yang digunakan bagi penyampaian maksud dalam sesebuah ritual. Selain itu, ritual juga merupakan sebuah interaksi persembahan dan struktur ritual itu asasnya merupakan prinsip komunikasi secara semula jadi. Hal ini sebagaimana yang digambarkan oleh Rappaport (1999), Leach (1976), Tambiah (1979) dan Wallace (1966).

Leach (2000) menyarankan ritual sebagai intrumen komunikasi, menjelaskan komunikasi ritual dengan dua sudut pandangan yang berkaitan; "melakukan perkara" dan "mengatakan perkara" yang secara langsung berkaitan dengan ruang komunikasi. Ritual adalah bahasa yang didalamnya terangkum perbuatan yang menjelaskan maksud sebenar berlakunya komunikasi. Pemaknaan bahasa itu diterima melalui pengetahuan dan penerimaan bersama dalam masyarakat pemakainya. Aspek yang paling penting dalam menjelaskan interaksi tersebut adalah berdasarkan hubungan sosial dengan komunikasi berkesan.

Beberapa kajian komunikasi ritual dalam pelbagai tradisi telah dilakukan antaranya Andung (2010) berkait komunikasi ritual masyarakat Adat Boti, Nusa Tenggara Timur dalam Tradisi Natoni. Selanjutnya Maifianti, Sarwoprasodjo, & Susanto (2014) juga menggunakan perspektif komunikasi ritual dalam *Kanuri Blang* di Aceh dalam kalangan petani. Hadirman (2016) pula telah menjalankan kajian mendeskripsikan bentuk komunikasi ritual dalam Tradisi *Katoba* pada masyarakat *Muna* dan menemukan fungsi tradisi *Katoba* sebagai media komunikasi tradisional. Manakala di Jawa Timur, penelitian dalam perspektif komunikasi ritual telah dilakukan oleh Handayani (2018) dengan melihat bagaimana Pola Komunikasi Ritual Slametan Musim Tanam Padi di Ngemplak, Sambikerep, Surabaya. Semua kajian yang disenaraikan menjurus kepada kajian dalam konteks orang asal Kepulauan Indonesia dan sehingga penulisan ini dibuat masih belum ditemukan secara terperinci kajian komunikasi ritual dalam budaya masyarakat di Malaysia yang mendiami kepulauan Borneo.

## 3. Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan etnografi bagi meneliti perlakuan-perlakuan manusia yang menjurus kepada sosio budaya. Kaedah penyelidikan etnografi mampu membuktikan kesahan sumber-sumber yang diperolehi berdasarkan beberapa kaedah penelitian. Pendekatan teknik pemerhatian turut serta (Participant Observation), etnografi menjadi satu kaedah penelitian yang unik kerana ia menjurus kepada pemerhatian secara langsung dalam sesebuah masyarakat seperti dalam penyelidikan *Makan Tahun* dalam masyarakat Kadayan di Sarawak.

Spradley (1997), menjelaskan bahawa etnografi ialah pemerhatian secara meluas bukan sahaja melihat tingkah laku, tetapi ia merangkumi kitaran kehidupan dalam sesebuah masyarakat sehingga kini. Melalui pemerhatian yang menyeluruh ini, penyelidik dapat memahami makna setiap perlakuan sehingga wujudnya pelbagai bentuk amalan, adat, kepercayaan dan sebagainya di dalam sesebuah masyarakat (Asaikkannu, 2019).

Selain itu, etnografi merupakan huraian dan pentafsiran tentang sesuatu budaya atau sistem kelompok sosial dalam sesuatu masyarakat. Penyelidik akan menguji sekelompok masyarakat dan mempelajari pola perlakuan, kebiasaan dan cara hidup mereka. Etnografi merupakan proses dan hasil daripada suatu pemerhatian. Sebagai proses, etnografi melibatkan pengamatan yang cukup panjang terhadap sesebuah kelompok di mana pengamatan tersebut meliputi

pemerhatian seharian kehidupan responden atau melalui perbualan satu persatu dengan anggota kelompok tersebut. Penyelidik akan mempelajari setiap makna dalam setiap perlakuan melalui interaksi di dalam kelompok tersebut. Kajian ini menggabungkan beberapa kaedah dalam pendekatan etnografi antaranya kaedah di lapangan, pemerhatian turut serta dan juga temu bual etnografi.

Kajian ini melibatkan informan yang telah dikenalpasti antaranya imam, individu yang bergelar haji (dipandang dalam masyarakat pengamal sebagai mereka yang mempunyai ilmu agama) dan juga masyarakat pelaksana Makan Tahun. Lingkungan umur mereka yang dipilih menjadi informan dalam kajian ini sekitar 65 tahun ke atas. Temu bual mendalam dilakukan bersama informan sebelum Makan Tahun dilaksanakan bagi mengetahui proses yang akan berlangsung. Semasa Makan Tahun dilaksanakan, kaedah pemerhatian turut serta diaplikasikan. Semua aktiviti Makan Tahun dirakam (foto dan video) dan kemudiannya transkrip temu bual disediakan. Kaedah ini bagi memastikan tiada maklumat yang tertinggal sebelum dan semasa Makan Tahun dilaksanakan.

Transkrip temu bual kemudiannya disusun dengan menggunakan kaedah tematik bagi memudahkan analisis data dilaksanakan. Pemaknaan simbol yang terdapat dalam setiap perlakuan Makan Tahun merupakan terjemahan masyarakat pengamal. Makna itu kemudiannya disuai padan dengan Model Simbol Ritual Kesucian (Magiman & Yatim, 2012) yang menjadi tunjang analisis makna simbol Makan Tahun. Dalam model tersebut mempunyai tiga inti utama iaitu animisme, pegangan agama dan ketuhanan. Animisme merupakan amalan-amalan yang masih dimiliki oleh masyarakat pengamal yang diwarisi melalui keluarga masing-masing. Amalan ini sebenarnya adalah untuk memenuhi lopot yang masih ditinggalkan dalam budaya mereka. Pegangan agama pula adalah merujuk kepada bentuk agama yang dianuti. Bagi masyarakat Kadayan, mereka adalah beragama Islam. Walaupun beragama Islam mereka masih memiliki pegangan budaya berasaskan kepercayaan animisme. Melalui proses sinkretisme, amalan tradisi itu digabungjalin dengan pegangan agama yang menjadikan satu pendekatan baharu setelah dipersetujui oleh masyarakat pemakainya. Contohnya dalam budaya Kadayan, walaupun masih mempercayai kewujudan makhluk ghaib dan halus mereka mempunyai doa tradisi. Melalui pegangan agama ini dijalin dengan pembukaan setiap upacara dimulakan dengan bacaan ayat Al-Quran dan diakhiri dengan Ayat Al-Quraan juga. Ini menunjukkan pegangan agama masyarakat Kadayan adalah terbuka dengan mempercayai bahawa setiap perbuatan baik itu pasti dibalas kebaikan. Unsur ketiga pula adalah Ketuhanan yang menjurus kepada Allah S.W.T. dan agama Islam. Bagi masyarakat Kadayan ritual ini adalah merupakan persembahan doa selamat yang dibuat atas pemberian hasil padi dan kesejahteraan hidup kepada masyarakat Kadayan. Kehidupan yang bergantung sepenuhnya dengan hasil padi itu kemudiannya dikongsi secara keseluruhan kepada penduduk kampung sebagai tanda kesyukuran melalui ritual Makan tahun. Ritual ini mempunyai pelbagai fungsi seperti untuk merapatkan jurang kekeluargaan di antara masyarakat Kadayan di samping ingin menyambut pelbagai bentuk upacara seperti doa selamat, *ratib saman*, bacaan yasin, solat dhuha dan sebagainya. Tiga unsur tersebut kemudiannya diikat melalui kerjasama dalam kalangan masyarakat dan dibuat dengan mengutamakan bentuk kesucian dalam semua bentuk perlakuan dalam ritual Makan Tahun ini.

## 4. Dapatan dan Analisis

### 4.1 Penjelasan Makan Tahun dan Mereka yang Terlibat

Makan Tahun adalah suatu yang bukan asing bagi masyarakat Kadayan di Bekenu Sarawak. Tanpa menjalankan upacara ini, ia dianggap sebagai sesuatu yang tidak sempurna dalam kehidupan mereka. Malah menurut penduduk di daerah Bekenu Sarawak, upacara ini adalah suatu yang wajib dilaksanakan setiap tahun selepas selesai menuai padi. Kecil atau besar suatu upacara Makan Tahun ini, tidak dijadikan syarat. Apa yang penting upacara ini mesti diraikan dalam sebuah perkampungan yang turut disertai oleh generasi tua dan muda. Bukan itu saja, upacara ini kebiasaannya akan melibatkan sanak saudara baik jauh dan dekat dalam kalangan keturunan masyarakat Kadayan yang biasanya melibatkan mereka yang mendiami di Sarawak, Sabah dan Negara Brunei Darussalam.

Pengisian dalam upacara atau ritual ini diraikan dalam sebuah perkampungan yang kebiasaannya akan bermula dari hari Khamis dan penamatnya pada hari Ahad. Berdasarkan keadaan itu, ritual ini sememangnya bukan suatu yang biasa kerana penglibatan yang berlangsung dalam majlis Makan Tahun ini bukan suatu yang mudah kerana ia melibatkan sebuah perkampungan masyarakat Kadayan. Segi konsep sosialisasi ritual ini sebenarnya mempunyai keunikan yang tersendiri selain untuk keunikan ritual Makan Tahun ini adalah untuk menonjolkan identiti masyarakat Kadayan yang salin bersatu walaupun mereka adalah golongan minoriti di Sarawak (Magiman, Salleh, & Yussof, 2019). Walaupun kewujudan mereka adalah sedikit di Sarawak ini, namun kehidupan masyarakat yang berteraskan kepada budaya padi sentiasa diangkat sebagai martabat kewujudan mereka.

Kehidupan yang berteraskan budaya padi ini sentiasa dikongsi bersama-sama walaupun dalam kalangan masyarakat Kadayan ini bukan semuanya terdiri daripada penanam padi. Hasil padi yang dituai pada setiap tahun kemudiannya disedekahkan dan dikongsikan dalam pelaksanaan ritual Makan Tahun. Mereka percaya beras baru yang diperolehi itu merupakan bayaran cukai bagi masyarakat Kadayan. Hasil tuaian beras baru akan dijadikan juadah utama ritual ini seperti kelupis, pulut kuning dan nasi hidang yang dijamu kepada para tetamu yang hadir pada majlis tersebut. Bukan itu sahaja, tetamu yang hadir juga akan diberikan bekalan sebagai buah tangan seperti kelupis dan kuih penyaram untuk diberikan kepada keluarga yang tidak hadir. Ini menunjukkan konsep sosialisasi dalam masyarakat Kadayan ini juga tidak

melupakan kepada keluarga yang tidak hadir. Sebab itu, bekaln seperti buah tangan adalah sebagai sesuatu penting dalam ritual Makan Tahun. Dalam ritual yang dilaksanakan oleh sesebuah masyarakat itu sebenarnya mempunyai pelbagai pengertian yang tersendiri yang menjuruskan kepada maksud kesejahteraan dan kebersamaan (Magiman et al., 2020).

Makan Tahun merupakan ritual keagamaan yang di dalamnya mengandungi Ratib Saman, solat Dhuha, solat Hajat dan aktiviti keagamaan lainnya sebagai salah satu pelakuan memuji akan kebesaran Allah swt yang telah memberikan kehidupan yang aman pada tahun semasa masyarakat Kadayan. Pelaksanaan ritual makan tahun ini mempunyai aturan yang perlu diikuti oleh pelaksana ritual (Inai et al., 2020). Mereka yang terlibat dalam pelaksanaan Makan Tahun perlu suci dari sudut lahiriah seperti pakaian dan batiniyah yang merujuk kepada wanita yang dalam haid tidak dibenarkan menyertai Makan Tahun. Ini kerana darah haid wanita dikategorikan sebagai suatu yang kotor dan sekiranya tidak dituruti matlamat Makan Tahun tidak terlaksana. Apa yang utama dalam setiap perlakuan ritual itu mestilah mengikuti aturan yang ditetapkan bagi tujuan kesempurnaan (Tugau, at. al., 2021).

## 4.2 Komunikasi Ritual Makan Tahun

Komunikasi ritual dalam budaya masyarakat Kadayan, Sarawak mempunyai unsur-unsur kepercayaan tradisi dan juga simbol keagamaan dalam pelaksanaan ritual *Makan Tahun*. Peranan utama mengadakan ritual *Makan Tahun* ini adalah didasari kepada pegangan agama. Melalui simbol-simbol keagamaan ini dikaitkan untuk menunjukkan kesyukuran kepada Allah S.W.T atau Ketuhanan. Dengan kata lain, unsur ketuhanan ini adalah merujuk kepada Allah S.W.T. Ini disebabkan kaum Kadayan menganut agama Islam dan segala peraturan tentang ajaran Islam adalah dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Yang jelas dalam teras utama persoalan kosmologi ini tertumpu pada tiga persoalan pokok iaitu, Tuhan, alam dan Manusia. Ketiga-tiga teras ini tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain kerana setiap persoalan alam dan manusia tidak terlepas kaitan dan tersiratnya dengan ketuhanan. Selain itu, pandangan semesta tidak terlepas dalam melihat dunia nyata dan dunia ghaib. Ini menunjukkan bahawa setiap perlakuan manusia itu bukan sahaja dapat dinyatakan secara lahiriah tetapi setiap yang diutarakan itu mempunyai pengertian yang tersirat. Malah rangkaian perlakuan yang tersirat itu sering diperlakukan di dalam melaksanakan satu-satu komunikasi ritual oleh sesebuah masyarakat. Bentuk-bentuk ritual itulah yang memperlihatkan adanya unsur-unsur simbolik yang merujuk kepada konsep ketuhanan.

Komunikasi ritual dilihat melalui unsur-unsur agama dijadikan sebagai satu pembaharuan yang disebabkan pengaruh peradaban baru. Wujudnya proses keagamaan ini ia merupakan proses penyucian tradisi seperti yang terdapat dalam kaum Kadayan. *Makan Tahun* menonjolkan fungsi agama di dalam masyarakat adalah sebagai satu proses untuk melestarikan masyarakat dengan adanya pantang larang yang dipersetujui oleh anggota masyarakatnya. Selain itu, ia dapat memelihara manusia sebagai pemberi nilai yang sempurna kepada manusia sekiranya ajaran agama itu diperhalusi dan diikuti seterusnya akan memberikan kedudukan manusia yang lebih tinggi daripada segala makhluk.

Menurut O'Dea (1966), Durkheim memberikan penjelasan bahawa setiap pengikut yang berpegang kepada agama, mereka akan sentiasa merasakan sesuatu itu indah dan tenang. Bagi mereka yang dapat berinteraksi dengan Tuhan pula akan merasakan diri mereka sentiasa kuat malah ada yang merasakan lebih kuat daripada sebelumnya kerana telah diberi tenaga dalam mengharungi kehidupan ini. Namun begitu, konsep keagamaan ini tidak dapat digambarkan secara konkrit walaupun manusia percaya dengan adanya konsep dan pemahaman beragama itu, dengan percaya adanya Tuhan.

## 4.3 Simbol Agama Makan Tahun

Kata simbol adalah berasal daripada bahasa Yunani iaitu, 'symbolos' yang bermaksud tanda atau ciri yang memberitahu segala sesuatu hal kepada seseorang. Atau kebiasaan dikatakan, simbol adalah seperti tanda, yang mengandungi maksud tertentu. Ia dinyatakan bahawa simbol merupakan suatu objek, kejadian, bunyi bicara atau bentuk-bentuk tertulis yang diberi makna oleh manusia. Manusia dapat memberi makna kepada setiap kejadian, atau objek yang berkaitan dengan pemikiran dalam gagasan dan emosi penerimanya. Untuk menjelaskan pengertian simbol ini maka lebih mudah untuk penerimanya memahami pengertian simbol terlebih dahulu. Simbol atau lambang ini merupakan suatu hal atau keadaan yang menterjemahkan pemahaman subjek kepada objek atau perlakuan yang dirujuk.

Agama pula merupakan sebuah institusi sistem kepercayaan yang mengandungi unsur-unsur keyakinan serta kepercayaan manusia tentang adanya perkara-perkara ghaib, iaitu tentang hakikat kehidupan dan kematian. Selain itu, dalam kepercayaan tradisi pula agama dikaitkan dengan wujud dewa-dewa dan makhluk halus lainnya yang mendiami alam ghaib. Kepercayaan-kepercayaan seperti itu biasanya diterima melalui nenek moyang atau dari kitab-kitab suci agama yang berkaitan atau daripada mitologi dan dongeng-dongeng suci yang hidup dalam sesebuah masyarakat. Sistem kepercayaan ini sangat berhubung erat dengan sistem upacara-upacara keagamaan dan menentukan tata cara daripada unsur-unsur, acara, serta keyakinan alat-alat yang dipakai dalam sebuah upacara.

Menurut Chittick (2001), sistem upacara keagamaan merupakan media hubungan manusia dengan Tuhan, dewa-dewa atau makhluk halus yang mendiami alam. Sistem upacara keagamaan ini melambangkan kepada konsep-konsep yang terkandung dalam sistem kepercayaan. Keseluruhan sistem upacara keagamaan ini terdiri daripada pelbagai upacara yang mengandungi pelbagai unsur upacara, seperti berdoa, bersujud, *sajenan*, *ratib saman* dan sebagainya. Selain itu, ia kadang kala merangkumi interpretasi terhadap kitab suci yang mengarah kepada pemahaman simbolik, contohnya Ibnu

Araby dalam interpretasinya terhadap ayat Al-Quran yang melangkaui jauh daripada makna literasi teks sebenar. Ini menunjukkan bahawa dalam konsep simbol yang terdapat dalam agama ini memberikan pelbagai pengertian dan pemahaman pengertian terhadap simbol dalam agama ini hanya difahami oleh masyarakat pemakainya sahaja. Namun apabila diteliti secara mendalam konsep pemahaman agama dan simbol ini sangat berkait rapat yang akhirnya memberikan pelbagai pengertian untuk tujuan kebersamaan dan kesejahteraan masyarakatnya.

Sehubungan itu Makan Tahun ini merupakan sistem budaya masyarakat Kadayan yang sangat berkait rapat dengan pegangan terhadap sistem kepercayaan yang berlandaskan kepada empat. Pertama kepercayaan yang ditinggalkan itu hasil daripada pemahaman generasi dahulu tentang kepentingan melaksanakan ajaran ke arah kebaikan. Keadaan itu menjadikan setiap bentuk komunikasi ritual yang dilaksanakan akan diketuai oleh seorang pengamal yang begitu mahir dalam masyarakat mereka. Pengamal ini pula dijadikan sebagai rujukan dalam sesuatu upacara itu, supaya apa yang dijalankan itu mendapat restu daripadaNya.

Kedua, budaya yang wujud dalam masyarakat Kadayan ini merujuk kepada tindakan dan tingkah laku dalam sistem sosial. Tindakan dan tingkah laku itu lebih menjurus kepada bentuk-bentuk perlakuan dalam ritual. Kebanyakan bentuk tindakan itu lebih menjurus kepada suatu kebaikan yang diakhirinya akan menjadikan masyarakat Kadayan ini terhindar daripada pelbagai kesusahan. Melalui tindakan itu, ia diterjemahkan melalui bentuk tingkah laku dalam sesebuah upacara. Kebiasaan tingkah laku yang ditunjukkan ini lebih melihat kepada konsep kesucian ia itu setiap perbuatan dan tingkah laku dalam keadaan bersih dan terhindar daripada sebarang kotoran. Ketiga, bentuk-bentuk amalan yang terdapat dalam masyarakat Kadayan ini adalah sebagai suatu bentuk gagasan.

Gagasan ini merujuk kepada ruang lingkup kehidupan mereka yang berteraskan kepada budaya padi. Dengan mengekalkan pelbagai bentuk kepercayaan yang menekankan kepada kesejahteraan kepada manusia dan makhluk *supernatural* ini, mereka dapat memahami sekalian masyarakatnya melalui aturan kehidupan seperti menghormati kepada manusia dan makhluk *supernatural*, memberikan jamuan dan sebagainya. Ini menunjukkan setiap kelakuan dalam ruang lingkup masyarakatnya hendaklah difahami oleh masyarakatnya yang akhirnya membentuk gagasan supaya difahami oleh generasi akan datang. Sebab itu lah sehingga kini tiada timbul permasalahan sekiranya upacara ritual Makan Tahun diadakan setiap tahun.

Keempat pula sistem budaya di dalam masyarakat Kadayan ini menekankan kepada sistem nilai. Sistem nilai dalam kehidupan mereka ini adalah berlandaskan kepada kesejahteraan. Sekiranya kesejahteraan ini tidak diterapkan dalam kehidupan mereka ia sudah pastinya akan menimbulkan pelbagai permasalahan seperti pergaduhan, perbuatan iri hati, dengki dan sebagainya. Jadi untuk mengelakkan perkara itu terus berlegar dalam kehidupan mereka, suatu usaha untuk memupuk semangat kesejahteraan perlu dilakukan iaitu dengan mengadakan ritual Makan Tahun.

Secara umumnya simbol keagamaan dalam budaya masyarakat Kadayan ini adalah untuk kesejahteraan dan pelestarian kehidupan masyarakat Kadayan daripada pelbagai permasalahan. Bagi mereka keberadaan manusia di muka bumi ini semestinya terhindar daripada perbuatan hasad dengki, kerakusan, mengganggu makhluk yang terdapat dalam kosmologi kehidupan. Dengan kata lain segala bentuk kelakuan yang buruk itu dianggap sebagai kotoran yang di akhirnya akan menyebabkan masyarakat Kadayan ini akan ditimpa musibah. Ini disebabkan kehidupan masyarakat Kadayan yang berteraskan kepada budaya padi menyebabkan mereka terlalu akur dengan halangan-halangan seperti diganggu oleh makhluk perosak baik yang dapat dilihat dengan mata kasar atau sebaliknya. Keadaan itu kerana padi adalah sebagai sumber utama pembentukan masyarakatnya. Sekiranya pelbagai masalah tidak dapat diselesaikan ia akan menyebabkan hasil penanaman padi akan berkurangan yang akhirnya akan menyebabkan mereka menjadi miskin dan hilang punca pendapatan. Jadi untuk menyelesaikan permasalahan itu, simbol keagamaan dalam budaya Kadayan ini dipegang sebagai aturan kepada kehidupan. Terdapat tiga ciri utama simbol keagamaan yang terdapat dalam komunikasi ritual masyarakat Kadayan Sarawak iaitu simbol keagamaan sebagai amalan, simbol keagamaan sebagai keperluan dan simbol keagamaan sebagai pengabdian.

## 5. Kesimpulan

Komunikasi ritual Makan Tahun masyarakat Kadayan menampilkan bentuk-bentuk perlakuan yang bersifat simbolik iaitu ratib shaman, solat dhuha yang membawa makna penghambaan dan kesyukuran kepada Allah SWT. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa Makan Tahun yang dilaksanakan oleh masyarakat Kadayan menunjukkan kefahaman mereka dalam beragama yang akhirnya membentuk kepada perlakuan yang menjurus kepada pentingnya sesuatu upacara dalam komunikasi ritual tersebut. Ini selari sebagaimana yang dinyatakan Mulyana (2005) komunikasi terkait dalam bentuk-bentuk upacara yang dilakukan seperti berdoa, membaca kitab suci, perlakuan yang berkaitan kesyukuran dan sebagainya.

Aktiviti ini turut memperlihatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pengamal. Penyediaan makanan seperti kelupis disediakan oleh kaum lelaki bagi memastikan konsep kesucian dipelihara di sepanjang aktiviti. Kaum lelaki tidak mempunyai kitaran haid seperti wanita yang akan meletakkan mereka dalam kategori golongan “kotor” ketika pelaksanaan aktiviti ini. Simbolik kesucian digambarkan pengamal perlu suci secara lahiriah (pakaian) dan batiniah (dalam konteks ini darah haid di istilah sebagai suatu yang kotor). Pengamal lelaki yang menyediakan juadah kelupis pula perlu menyucikan diri dengan cara mengambil air wudhu sebelum memulakan tugas. Tugas dibuat secara bersama tanpa mengira kepercayaan dan pegangan agama. Dapatan kajian ini adalah selari dengan apa yang diujulkan oleh

McKinnon (2017) bahawa aktiviti ritual mewujudkan perpaduan dan Subtil (2014) menjelaskan pembinaan makna dengan memusatkan perhatian pada ritual dan menonjolkan sisi simbolik upacara sebagai budaya masyarakat. Menurut Madjirie (1989), daripada aspek istilah, 'agama' menurut kefahaman masyarakat umum ialah keyakinan kepada Tuhan dan cara menyembah-Nya untuk memperoleh kerediaan-Nya. Menurutnya lagi bagi masyarakat primitif, 'agama' ialah tentang upacara-upacara perayaan yang berkaitan dengan ketuhanan, atau peribadatan yang disertakan dengan penyembelihan korban sebagai persembahan. Selain itu, beliau menyatakan bagi para penulis Barat pula mendefinisikan 'agama' sebagai suatu kepercayaan keimanan kepada kewujudan *dzat* ketuhanan yang ghaib, yang maha tinggi, perkasa, bebas dengan kehendak-Nya untuk bertindak, mengatur, dan mengurus alam semesta, dan amat layak diberikan ketaatan dan ibadah. Berdasarkan kepada pendapat tersebut dapat disimpulkan bahawa agama yang dimiliki oleh seseorang individu itu bertujuan untuk menghambakan diri kepada tuhan dengan melakukan aktiviti-aktiviti ibadat yang diarahkan olehnya. Melalui ibadat tersebut, manusia mempercayai bahawa tuhan akan menyayangi mereka sekiranya mengikut setiap arahannya dan untuk mencapai ke tahap yang diinginkan adalah dengan menyucikan diri terlebih dahulu. Sebab itu, dalam melakukan sesuatu ibadat yang berkaitan agama itu perlu dalam keadaan 'suci', kerana kesucian itu merupakan perkara yang diutamakan.

Pandangan Madjirie (1989) selari dengan dapatan kajian Makan Tahun masyarakat Kadayan yang pelaksanaan Makan Tahun perlu dalam keadaan suci bagi mencapai matlamat aktiviti itu dilaksanakan. Konsep penghambaan juga ditonjolkan dalam Makan Tahun dengan ratib shaman, solat dhuha dan aktiviti keagamaan lainnya sebagai simbol penghambaan kepada Allah swt. Manusia mengharapakan dengan mengikut setiap arahan dan meninggalkan larangan mereka dihindari daripada perkara buruk.

Komunikasi ritual yang terdapat dalam ritual *Makan Tahun* bukan sahaja dapat digambarkan melalui perbuatan secara lahiriah tetapi ia banyak mencerminkan kepada tujuan sesuatu perlakuan itu dibuat iaitu sebagai tanda kesyukuran kepada Allah S.W.T. Ajaran Islam yang dianuti oleh masyarakat Kadayan yang mempercayai wujudnya tuhan dan para rasul Nya, perantara seperti orang agama iaitu ustaz, pak aji dan pak imam, dapat membantu memudahkan tugas untuk menyampaikan maksud Makan Tahun melalui doa dan sebagainya. Kesemua perkara yang berkaitan dengan keagamaan akan diketuai oleh orang-orang agama. Ini disebabkan mereka adalah lebih arif tentang setiap perlakuan tersebut. Selain itu, berdasarkan surah-surah yang terdapat di dalam Al-Quran telah dijadikan sebagai garis panduan pada setiap perbuatan yang bertujuan untuk memberkati segala usaha mereka selama beberapa hari.

Walaupun dalam pelaksanaan ritual ini terdapat pelbagai adunan iaitu antara unsur-unsur animisme dan keagamaan ia sebenarnya adalah untuk mewujudkan kebersamaan (Bohari & Magiman, 2020). Keadaan itu disebabkan selama ini telah terlerai oleh bebanan tugas seharian dan krisis-krisis yang terdapat di dalam kaum Kadayan terutamanya yang berkaitan dengan budaya padi. Kepercayaan-kepercayaan yang terdapat dalam ritual itu dijadikan sebagai amalan supaya mewujudkan satu suasana yang baru iaitu konsep kebersamaan.

## Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada masyarakat Kadayan di Daerah Bekenu, Sarawak kerana memberikan maklumat pada masa kajian ini dijalankan.

## Rujukan

- Andung, P. A. (2010). Komunikasi Ritual Naton Masyarakad Adat Boti Dalam di Nusa Tenggara Timur. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 8(1), 36–44. <http://jurnal.upnyk.ac.id/index.php/komunikasi/issue/view/22>.
- Angelino, M. L., & Matronillo, M. M. (2020). The Utilization of Indigenous Communication Arts Instructional Materials in Teaching Language. *Journal of Technology and Humanities*, 1(1), 18-25.
- Arumugum, L., Nadeson, B., & Pal Thamburaj, K. (2021). Traditional teaching method - concept of moral education and pedagogy in Aathicuudi. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 176-182. <https://doi.org/10.33306/mjssh/131>
- Asaikkannu, S. (2019). Materialistic culture (palm tree) [பொருள்சார் பண்பாடு (பனைமரம்)]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 172-187. <https://doi.org/10.33306/mjssh13>
- Bell, C. (1992). *The Ritual Theory : Ritual Practice*. Oxford University Press.
- Bohari, S. J., & Magiman, M.M. (2020). Symbol and Meaning of Traditional Rituals of Fresh Flour in the Marriage of the Sarawak Malay Community. *Journal of Borneo Communication (JKoB)*, 8.
- Carey, J. (2009). Carey\_CulturalApproachCommunication.pdf. In *Communication as Culture: Essays on Media and Socirty* (2nd Editio).
- Carey, J. W. (1998). Political Ritual on Television. Episodes in the history of shame, degradation and excommunication. In T. e LIEBES & J. CURRAN (Eds.), *Media, ritual and identity* (pp. 119–130). Routledge.

- Chittick, W. C. (2001). *The heart of Islamic philosophy: the quest for self-knowledge in the teachings of Afdal al-Din Kashani*. Oxford University Press.
- Couldry, N. (2003). *Media Rituals: A Critical Approach*. Routledge.
- Gennep, A. Van. (1960). *Rites of Passage* (J. Holm & J. Bowker (Eds.)). Pinter Publishers Ltd.
- Hadirman. (2016). Tradisi Katoba Sebagai Media Komunikasi Tradisional Dalam Masyarakat Muna Katoba Tradition As Traditional Media Communications In The Community Muna Hadirman. *Penelitian Komunikasi Dan Opini Publik*, 20(1), 11–30.
- Handayani, S. (2018). Agriculture and Ritual. *Jurnal Ilmu Komunikasi (J-IKA)*, V(1), 40–50. <http://ejournal.bsi.ac.id/ejurnal/index.php/jika>.
- Inai, N. N., Magiman, M.M., Salleh, N., Yusoff, A. N.M., Tugau, M., & Permana, S. A. (2020). The Analysis Of Food Symbols In The 'Serarang' Ritual Of The Melanau Likow Community In Dalat, Sarawak. *International Journal of Innovation, Creativity And Change*, 14(3,723-741).
- Leach, E. (1976). *Culture and Communication: the logic which symbols is connected*. Cambridge University Press.
- Leach, E. R. (2000). Ritual. In S. Hugh-Jones, J. Laidlaw, & J. Laidlaw (Eds.), *The Essential Edmund Leach: Anthropology and society*. Yale University Press.
- McKinnon, A. (2017). Ritual. In *The Wiley-Blackwell Encyclopedia of Social Theory* (pp. 1–2). John Wiley & Sons, Ltd. <https://doi.org/10.1002/9781118430873>.
- McQuail, D. (Ed.). (2002). *McQuail's Reader in Mass Communication Theory*. Sage Publications.
- Madjirie, A. R. (1989). *Meluruskan Tauhid: Kembali ke Akidah Salaf*. Prima Press, Indonesia.
- Magiman, M.M., Hanis, H., Tugau, M., Mohd Yusoff, A. N., & Halim, H. A. (2020). The Symbols Rituals of Salako Community in Sarawak. *Opción*, 36, 3005-3023.
- Magiman, M. M., & Yatim, O. (2012). Simbol dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan, Sarawak. *Jurnal Melayu*, 9.
- Maifianti, K. S., Sarwoprasodjo, S., & Susanto, D. (2014). Komunikasi Ritual Kanuri Blang sebagai Bentuk Kebersamaan Masyarakat Tani Kecamatan Samatiga Kabupaten Aceh Barat Propinsi Aceh. *Jurnal Komunikasi Pembangunan*, 12(2), 1–6.
- Mulyana, D. (2005). *Ilmu Komunikasi Suatu Pengantar*. Remaja Rosdakarya.
- O'dea, T. F. (1966). *Sosiologi Agama: Suatu Pengenalan Awal*. Prentice Hall.
- Rappaport, R. A. (1999). *Ritual and Religion In the Making of Humanity*. University of Cambridge.
- Spradley, J. P. (1997). *Metode etnografi*.
- Subtil, F. (2014). James W.Carey's Cultural Approach of Communication. *Revista Brasileira de Ciencias Da Comunicacao*, 37(1), 19–44. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1590/rbcc.v37i1.1879>.
- Tambiah, S. J. (1979). *A Performative Approach to Ritual*. The British Academy and Oxford University Press.
- Tugau, M., Magiman, M.M., Salleh, N., & Mohd, A. N. The Pelian Ritual In Sebauh District, Bintulu, Sarawak.
- Wallace, A. F. C. C. (1966). *Religion: An Anthropological View*. Random House.
- West, R., & Tunner, L. H. (2017). *Introducing Communication Theory: Analysis and Application* (6th ed.). McGraw-Hill.